

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MYCOST
BAGI PUSAT TANGGUNG JAWAB (PTJ) PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN
DAERAH – MYCOST SUBMODUL PTJ BASED COSTING (PBC)
BAHAGIAN AKAUN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan dan menyelaraskan penyediaan dan penggunaan Kamus Pengekosan MyCost yang akan dilaksanakan untuk Modul iGFMAS MyCost Submodul PBC di PTJ KKM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pengekosan merupakan suatu teknik untuk mengenalpasti secara terperinci kos yang terlibat dalam menghasilkan output (barang/perkhidmatan) merangkumi proses pengkelasan, perekodan, dan memperuntukkan perbelanjaan kepada output yang telah dicapai oleh sesuatu entiti/program/aktiviti Kementerian dalam tempoh tertentu bagi tujuan penentuan kos akhir setiap output yang dihasilkan.
- 2.2. Pelaksanaan MyCost di KKM meliputi PTJ yang melaksanakan fungsi utama Kementerian sahaja, terdiri daripada Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (Klinik Kesihatan), Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (Klinik Kesihatan Pergigian) dan Institut Penyelidikan.
- 2.3. Kamus Pengekosan MyCost merupakan kamus pengekosan output yang mengandungi data dan maklumat perihal output, penetapan kos komponen dan penetapan asas agihan kos.

- 2.4. Kamus Pengekosan MyCost yang seragam perlu disediakan dan digunakan oleh PTJ yang menjalankan fungsi utama Kementerian mengikut jenis kumpulan fasiliti. Penggunaan Kamus Pengekosan MyCost yang seragam untuk PTJ-PTJ di bawah kumpulan fasiliti yang sama amat penting bagi tujuan analisis perbandingan kecekapan kos dan trend kecekapan kos antara PTJ.
- 2.5. Kamus Pengekosan MyCost akan disediakan dan digunakan oleh PTJ mengikut kumpulan fasiliti yang ditetapkan seperti berikut:
- i. fasiliti Hospital Negeri / Pakar Major / Pakar Minor / Tanpa Pakar;
 - ii. Pejabat Kesihatan Daerah (bagi fasiliti Klinik Kesihatan);
 - iii. Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (bagi fasiliti Klinik Kesihatan Pergigian); dan
 - iv. fasiliti Institut Pakar Perubatan.

3. TATACARA PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MYCOST -MODUL PBC

Kamus Pengekosan MyCost merupakan *template* maklumat berkenaan pengkosalan perbelanjaan PTJ yang perlu disediakan sebelum menggunakan sistem MyCost.

Terdapat tujuh (7) *template* di dalam Kamus Pengekosalan MyCost ini dan maklumat pada Kamus Pengekosalan MyCost yang telah dilengkapkan akan dikunci masuk ke dalam sistem MyCost sebagai data induk.

Maklumat pada Kamus Pengekosalan MyCost ini perlu dikemaskini setiap tahun / sekiranya ada perubahan maklumat pengkosalan perbelanjaan PTJ. Perkara yang perlu ditentukan di dalam Kamus Pengekosalan MyCost adalah seperti berikut:

3.1. Penetapan Output

Output yang akan digunakan oleh PTJ merupakan output utama yang dipilih berdasarkan kriteria ditetapkan iaitu output yang melambangkan identiti PTJ dan KKM secara keseluruhan.

Berikut merupakan output yang telah ditetapkan bagi PTJ Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah:

i. Output 1 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer

Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer adalah perkhidmatan yang ditawarkan di Klinik Pergigian Primer merangkumi promosi, pendidikan kesihatan pergigian, pemeriksaan, rawatan pencegahan, rawatan kuratif dan rehabilitasi.

Output 1 adalah berdasarkan:

- a) Jumlah Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan di Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer di fasiliti berikut:
 - i. Klinik Pergigian Standalone;
 - ii. Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan (termasuk Klinik Pergigian secara lawatan);
 - iii. Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) (termasuk Klinik Pergigian secara lawatan);
 - iv. Klinik Pergigian di Institusi lain (contoh: penjara, istana, puspanita puri dan lain-lain);
 - v. Klinik Pergigian Primer di Hospital; dan
 - vi. Pesakit Ibu Mengandung dan toddler yang diperiksa di KKIA dan Klinik Desa (KD).

- b) Sumber data adalah daripada PG101 (Daftar Pesakit) dan bagi toddler yang diperiksa di KKIA dan KD boleh didapati daripada reten TOD Pin.3/2019 (KKIA).

ii. Output 2 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat

Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat merangkumi promosi, pendidikan, pemeriksaan, rawatan pencegahan, rawatan kuratif dan rehabilitasi di luar fasiliti pergigian, KKM.

Output 2 adalah berdasarkan:

- a) Jumlah Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan bagi:
 - i. Perkhidmatan kesihatan pergigian di Klinik Pergigian UTC
 - ii. Perkhidmatan kesihatan pergigian di Klinik Pergigian RTC (statik dan bergerak)
 - iii. Perkhidmatan kesihatan pergigian *toddler* di taska
 - iv. Perkhidmatan kesihatan pergigian *toddler* di tadika
 - v. Perkhidmatan kesihatan pergigian kanak-kanak pra sekolah di tadika
 - vi. Perkhidmatan kesihatan pergigian kanak-kanak pra sekolah di sekolah
 - vii. Perkhidmatan kesihatan pergigian di Sekolah Rendah (statik dan bergerak)
 - viii. Perkhidmatan kesihatan pergigian di Sekolah Menengah (statik dan bergerak)
 - ix. Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan pergigian
 - x. Semua aktiviti komuniti termasuk program di Institusi Kerajaan / swasta melibatkan warga emas, Pusat Dalam Komuniti (PDK) dan Institusi Keperluan Khas
 - xi. Program Kg. Orang Asli
 - xii. Program Kg. Angkat / Projek Perumahan Rakyat (B40)

- xiii. Program Kanser Mulut
- xiv. Kem Masyarakat dan lain-lain aktiviti
- xv. Program *Young Adult* – Institut Perguruan (IPG) dan Kolej Komuniti sahaja
- xvi. Program *Health Fair* (Sabah dan Sarawak sahaja)

b) Sumber data adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil	Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Masyarakat	Sumber Data [Jumlah Kedatangan Pesakit (Baru+Ulangan)]
1.	Perkhidmatan kesihatan pergigian di Klinik Pergigian UTC dan RTC (statik dan bergerak)	PG101 (Daftar Pesakit)
2.	Perkhidmatan pergigian <i>toddler</i> di taska, tadika, PERMATA / Genius dan Lain-lain.	TOD 3/2019 (row Taska + Tadika + PERMATA / Genius + Lain-lain)
3.	Perkhidmatan pergigian di tadika	PGPS 2
4.	Perkhidmatan pergigian di pra sekolah	PGPS 2
5.	Perkhidmatan di Sekolah Rendah (statik dan bergerak)	PG203
6.	Perkhidmatan di Sekolah Menengah (statik dan bergerak)	PG204
7.	Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan pergigian yang direkod secara individu.	PKP201
8.	Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan pergigian yang dijalankan mengikut program	PGPRO (bilangan peserta)
9.	Semua Aktiviti Komuniti termasuk program di Institusi Warga Emas, Pusat Dalam Komuniti (PDK), Institusi Keperluan Khas, Kg. Orang Asli, Kg. Angkat, Kem Masyarakat, Program Kanser Mulut, Makmal Pergigian Bergerak dan lain-lain aktiviti	KOM versi 2/2014
10.	Program <i>Young Adult</i> (IPG dan Kolej Komuniti sahaja)	DMC01/2018 (row Kolej Komuniti + Institut Pengajian Guru + Institusi Pengajian Tinggi yang lain kecuali sekolah)

Bil	Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Masyarakat	Sumber Data [Jumlah Kedatangan Pesakit (Baru+Ulangan)]
11.	Program <i>Health Fair</i> (Sabah dan Sarawak sahaja)	Projek Komuniti (<i>Organized Health Fairs For Sabah And Sarawak</i>)

iii. Output 3 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran

Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran adalah perkhidmatan yang ditawarkan di Klinik Pakar Pergigian di fasiliti KKM. Perkhidmatan tersebut merangkumi Kepakaran Pergigian di *hospital based* dan *non-hospital based*.

Kepakaran di fasiliti *hospital based* terdiri daripada:

- i. Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS),
- ii. Kepakaran Pergigian Pediatrik,
- iii. Kepakaran Patologi Mulut dan Perubatan Mulut (OPOM),
- iv. Kepakaran Pergigian Keperluan Khas (SND) dan
- v. Kepakaran Pergigian Forensik,

Kepakaran Pergigian di fasiliti *non-hospital based* terdiri daripada:

- i. Kepakaran Kesihatan Awam Pergigian,
- ii. Kepakaran Ortodontik,
- iii. Kepakaran Periodontik,
- iv. Kepakaran Pergigian Restoratif.

Output 3 adalah berdasarkan;

- a) Jumlah Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan bagi Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kepakaran di fasiliti *hospital based* dan *non-hospital based*.

b) Sumber data adalah seperti berikut:

Bil.	Kepakaran	Sumber Data [Jumlah Kedatangan Pesakit (Baru+Ulangan)]
Hospital based		
1.	Bedah Mulut dan Maksilofasial	PG 209
2.	Pergigian Pediatrik	PG 213
3.	Patologi Mulut dan Perubatan Mulut	PG 215
4.	Pergigian Keperluan Khas	Jumlah kedatangan pesakit Baru dan Ulangan
5.	Pergigian Forensik	Jumlah kes forensik
Non-hospital based		
1.	Kesihatan Awam Pergigian	Jumlah kedatangan pesakit Baru dan Ulangan (di Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam)
2.	Ortodontik	PG 208
3.	Periodontik	PG 212
4.	Pergigian Restoratif	PG 216

3.2. Penetapan Kod Komponen

Kod komponen bagi komponen kos langsung, kos tak langsung dan kos overhead yang akan digunakan oleh PTJ adalah seperti yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Penyediaan Kamus MyCost yang telah diadakan bersama PTJ dan Bahagian Akaun.

Bagi PTJ Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah, pemilihan kod komponen yang akan digunakan di sistem MyCost adalah **KKMkodkomponen#04**.

3.3. Penetapan Asas Agihan di Setiap Kitaran

Terdapat tiga (3) proses kitaran dalam pengiraan kos di modul PBC-Mycost. Setiap kitaran mempunyai fungsi pengagihan kos kepada output yang tersendiri. Asas agihan yang bersesuaian perlu ditetapkan bagi setiap proses kitaran tersebut supaya pengagihan kos dapat dilaksanakan dengan baik.

3.3.1. Agihan Kitaran 1

Kitaran 1 merupakan proses di MyCost untuk agihan keluar Kos kepada PTJ lain (sekiranya ada). Proses ini adalah bagi mengasingkan kos yang dibelanjakan untuk kegunaan PTJ lain dan kemudian dimasukkan sebagai kos perbelanjaan bagi PTJ tersebut.

3.3.2. Asas Agihan Kitaran 2

Kitaran 2 merupakan proses di MyCost untuk agihan kos kepada setiap output yang dapat ditentukan secara tepat amaunnya. Maklumat di Kamus Pengekosan MyCost - Kitaran 2 perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan amaun kos bagi kod akaun yang berkaitan pada bulan tersebut.

Terdapat dua (2) jenis kod akaun sahaja yang akan digunapakai di Kitaran 2 bagi PTJ Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah. Asas agihan bagi setiap output di Kitaran 2 adalah berdasarkan perbelanjaan OS20000 tahun lalu dan telah ditetapkan seperti di Lampiran (a).

3.3.3. Asas Agihan Kitaran 3

Kitaran 3 merupakan proses di MyCost untuk agihan 'cost pool' (baki keseluruhan kos perbelanjaan PTJ yang belum diagihkan) kepada output berdasarkan asas agihan yang ditetapkan.

Asas agihan bagi setiap output di Kitaran 3 adalah berdasarkan perbelanjaan OS10000 tahun lalu dan turut mengambil kira agihan masa bertugas kakitangan (*FTE - Full Time Equivalent*) bagi setiap PTJ (termasuk kakitangan klinik kesihatan pergigian) dan telah ditetapkan seperti di Lampiran (b).

4. PELAKSANAAN

- 4.1. Maklumat pada Kamus Pengekosan MyCost ini perlu dikunci masuk oleh PTJ ke sistem MyCost sekali setahun (kecuali sekiranya terdapat perubahan maklumat pada kamus tersebut).
- 4.2. Semakan semula Kamus Pengekosan MyCost akan dilaksanakan mengikut keperluan dan arahan daripada Bahagian Akaun KKM.

5. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

PTJ boleh mengemukakan maklumbalas atau pertanyaan kepada Pegawai Bertanggungjawab di Seksyen Perakaunan Pengurusan, Bahagian Akaun KKM melalui emel spp@moh.gov.my.